


Kreatif dan Inovatif, Sistem Pencernaan Manusia



23 Februari – Kreatif dan inovatif selaras dengan pembelajaran abad 21, begitulah bahan PdPc yang telah dihasilkan oleh Cikgu Kalpana A/P Maniam, guru SMK Pantai. Beliau bukan sahaja kreatif tetapi juga telah menerapkan konsep 4C dalam pembelajaran abad 21 iaitu *Creativity, Critical Thinking, Collaboration* dan *Communication*.

Cikgu Kalpana telah berjaya menarik minat pelajar dengan membina bahan pengajaran dan pembelajaran bagi topik sains tingkatan 2 iaitu memahami sistem pencernaan manusia. Aktiviti melukis, mewarna, melabel organ dan aliran pemakanan dalam sistem pencernaan manusia secara berkumpulan pada sehelai baju putih membolehkan pelajarnya dapat memahami konsep pencernaan manusia dengan lebih mudah.

Melalui kaedah ini pelajar dapat berkolaborasi dan berkomunikasi secara berkumpulan bagi membincangkan bagaimana proses pencernaan manusia berlaku termasuk

fungsi setiap organ dalam aliran pencernaan. Proses perbincangan bermula dari mulut turun ke esofagus, perut, hempedu dan usus.

Sistem pencernaan manusia yang telah berjaya dilukis akan dipakai oleh salah seorang pelajar dari setiap kumpulan dan dibentang serta dibincangkan kepada semua pelajar. Tahniah diucapkan dan teruskan usaha anda Cikgu Kalpana A/P Maniam, Guru Cemerlang, SMK Pantai.

